

Dana BNM untuk PKS:

Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)

Objektif

Meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk usahawan mikro, terutamanya kepada segmen yang tidak atau kurang mendapat akses pembiayaan.

Ciri-ciri Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)

Kriteria kelayakan	Usahawan mikro Malaysia: • Perusahaan mikro* seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Bagi Definisi PKS oleh SME Corp. Malaysia, termasuk perusahaan sosial dan penyedia perkhidmatan profesional; atau • Individu yang bekerja sendiri, termasuk pekerja gig (*gig workers*) yang menggunakan platform digital dan peserta program iTEKAD. Pembiayaan akan ditawarkan di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Permohonan boleh dibuat secara terus kepada institusi kewangan peserta yang tersenarai di www.bnm.gov.my/microfinance.
Tujuan pembiayaan	Pembiayaan hendaklah digunakan bagi tujuan perniagaan: • Modal kerja; dan/atau • Perbelanjaan modal. Nota: Pembiayaan bertindih (pembiayaan semula dengan institusi kewangan peserta yang sama) adalah dibenarkan tertakluk pada syarat yang ditetapkan.
Saiz pembiayaan	Sehingga RM100,000
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Ditetapkan oleh institusi kewangan peserta
Tempoh	Sehingga tujuh tahun
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.

* Warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia dengan pemegangan sekurang-kurangnya 51% dalam perusahaan mikro.

Untuk maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

Pembiayaan PKS:
https://www.bnm.gov.my/microfinance

Dana BNM untuk PKS:
https://www.bnm.gov.my/funds4sme

BNM eLINK:
https://bnmlink.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA